

04/11/1999

Nenek tuduh Norhayati bohong

Norazmi Abdul Talib

MELAKA, Rabu - Nenek kepada Norhayati Md Yusof, hari ini mempertikaikan penafian cucunya mengenai hubungan sulit dengan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, semalam.

Pada sidang akhbar yang diatur oleh DAP di sini hari ini, Pendek Ahmad, 64, dari Kampung Sungai Petai, Alor Gajah, menuduh Norhayati berbohong apabila membuat penafian itu.

"Hati saya begitu sakit apabila cerita yang sudah lama dipendamkan itu, tiba-tiba dibongkar semula oleh Norhayati," kata Pendek pada sidang akhbar yang turut dihadiri beberapa pemimpin pembangkang.

Mereka ialah Timbalan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng; Pengerusi DAP Melaka, Sim Tong Him; Pesuruhajaya Pas Melaka, Omar Baba dan Ketua Keadilan Melaka, Omar Jaafar. Turut hadir ialah bapa saudara Norhayati, Sabri Mohamad Yasin.

Pendek mendakwa, sepanjang lima tahun lalu, Norhayati sendiri mengakui mempunyai hubungan sulit dengan Abdul Rahim ketika dia berusia 15 tahun lagi.

"Dia juga yang memberitahu saya dan ahli keluarga bahawa Abdul Rahim adalah lelaki pertama melakukan hubungan sulit dengannya," katanya.

Pendek berkata, dia begitu hampa, malu dan marah apabila Norhayati boleh membelakangkan kebenaran dan keadilan dengan membuat penafian mempunyai hubungan sulit dengan Abdul Rahim.

"Saya masih mengingati bagaimana cucu saya itu begitu terseksa ketika ditahan di Pusat Pemulihan Rembau sehingga cuba melarikan diri beberapa kali," katanya.

Menurut Pendek, beliau juga pernah hendak memukul Norhayati ketika kali terakhir mereka berjumpa dua tiga bulan selepas Aidilfitri lalu kerana cucunya itu datang untuk mengambil anaknya.

"Saya yang membela anak perempuan Norhayati yang dikatakan hasil perhubungan sulit itu dan dia pula datang untuk mengambilnya.

"Saya marah dia, anak sudah besar baru hendak ambil. Saya tidak akan serahkan dan saya minta Norhayati jangan lagi datang ke Sungai Petai," katanya.

Sementara itu, Sabri, 35, mendakwa sejak dibebaskan dari Taman Seri Puteri, Rembau, Norhayati mengakui kepada keluarga bahawa dia ada hubungan sulit dengan Abdul Rahim.

"Semua keluarga tahu cerita sebenar, Norhayati yang cakap," katanya.

Beliau berkata, Norhayati tidak berjumpa keluarga apabila hendak mengeluarkan kenyataan berhubung surat akuan berkanun yang menafikan mempunyai hubungan sulit dengan Abdul Rahim.

"Awal tahun ini, saya dapat tahu Norhayati ada membuat pengakuan bersumpah tetapi apabila ditanya, dia menafikan," katanya.

Sabri, yang mendakwa kali terakhir menemui Norhayati sebulan lalu berkata, beliau pernah menasihatkan anak saudaranya itu supaya berhati-hati serta memahami akibat daripada membuat pengakuan begitu.

Beliau juga mencabar Abdul Rahim supaya bersumpah dengan menjunjung al-Quran di Masjid Kampung Hulu di sini, jika hendak membersihkan namanya.

"Sebagai seorang Islam, Abdul Rahim mesti berani tampil bagi membuktikan kebenaran dirinya. Saya harap sebuah badan bebas dapat ditubuhkan bagi menyalut kes ini supaya orang ramai tidak terkeliru," katanya.

Di ALOR GAJAH, guru disiplin yang didakwa Norhayati menculik dan mengajarnya supaya berbohong kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad, sudah berhenti daripada tugas itu sejak dua tahun lalu.

Zainal Amal, 40, berhenti menjadi guru Sekolah Menengah Datuk Dol Said dan terus menyambung pelajarannya di peringkat sarjana di luar negara.

Bapanya, Amal Ismail, 65, berkata selepas berhenti, anaknya menceburi bidang perniagaan perabot dan sering berada di luar negara, termasuk Indonesia, atas urusan perniagaan.

(END)